

MAJLIS PENUTUP KURSUS ASAS IKHTIAR HIDUP SIRI 90/19 DAN KURSUS TEMPUR JARAK DEKAT SIRI 11/19

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4902-majlis-penutup-kursus-asas-ikhtiar-hidup-siri-90-19-dan-kursus-tempur-jarak-dekat-siri-11-19

BUKIT IBAM, 26 Apr 19 – Sekolah Latihan Tempur TUDM Bukit Ibam telah mengadakan majlis penutup dan penyampaian sijil Kursus Asas Ikhtiar Hidup Siri 90/19 dan Kursus Tempur Jarak Dekat Siri 11/19 di SLTT.

Seramai 46 Pegawai dari Kursus Asas Ikhtiar Hidup Siri 90/19 dan 13 anggota Lain-Lain Pangkat Pasukan Khas dari Kursus Tempur Jarak Dekat Siri 11/19 telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya.

Bagi kursus asas, penutut terbaik telah disandang oleh LtM Mohd Amirul Afiq bin Ameruddin manakala LU II Megat Nur Iman Hakim bin Abdullah Sani pula merupakan penuntut terbaik bagi kursus tempur.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Pengarah Perkhidmatan diiringi Pegawai Memerintah SLTT, Lt Kol Jafridin bin Bahari TUDM.

